



SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/09/05_64 (HQ)

TNB & N.U.R POWER METERAI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) INISIATIF TENAGA HIJAU DI KEDAH

- Kerjasama menyediakan solar bumbung, solar berskala besar dan prasarana pengecas kenderaan elektrik (EV) di kawasan-kawasan berlesen di bawah Nur Power

Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalin kerjasama strategik dengan **N.U.R Power Sdn. Bhd. (NUR Power)** untuk menyediakan solusi tenaga pintar dan Tenaga Boleh Baharu (TBB) sebagai sumber utama elektrik masa hadapan kepada para pelanggan NUR Power di kawasan perindustrian Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kedah serta lain-lain kawasan berlesen di bawah NUR Power.

Memorandum Persefahaman (MoU) mengenainya ditandatangani bagi membolehkan pemasangan sistem solar fotovoltaik (PV) atas bumbung, solar berskala besar serta penyediaan prasarana pengecas kenderaan elektrik dapat diberikan kepada seluruh pelanggan di kawasan KHTP.

Memandangkan permintaan global untuk tenaga hijau terus berkembang, NUR Power komited untuk melabur dalam mengembangkan tenaga solar bagi meningkatkan bekalan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan menuju ke arah pematuhan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) bagi menarik pelabur asing dan juga domestik.

Melalui kerjasama ini, TNB memperoleh rakan strategik lain bagi melaksanakan inisiatif TBB bersama dengan NUR Power sebagai pembekal elektrik eksklusif kepada KHTP dan kawasan berlesen lain. Para pelanggan di KHTP dapat menikmati kelebihan harga yang kompetitif untuk solusi solar atas bumbung daripada kerjasama antara anak syarikat milik penuh TNB, GSPARX dan anak syarikat milik NUR Power, JS Solar.

MoU tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan dan Pengarah Urusan NUR Power, Ikwan Hafiz Jamaludin di Hotel DoubleTree Hilton, Putrajaya pada 26 Ogos 2022 dengan kehadiran Ketua Solusi, Bahagian Retail, TNB, Mohamed Azrin b. Mohamed Ali, dan Pengerusi NUR Power, Datuk Wira Ir. Mohd Sidek Ahmad sebagai saksi. Setiausaha Bahagian Kanan, (Bekalan Elektrik) Kementerian Tenaga & Sumber Asli (KeTSA) Mareena binti Mahpudz dan Dato' Hamzah bin Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif, *Sustainable Energy Development Authority*, [SEDA], Malaysia turut hadir bagi menyaksikan majlis menandatangani MoU antara kedua-dua pihak.

Dalam ucapan alu-aluannya, Megat berkata, kerjasama antara TNB dan NUR Power menandakan satu perkembangan yang amat memberangsangkan kepada negara dan TNB kerana ia sejajar dengan aspirasi TNB, iaitu mempercepatkan peralihan tenaga kepada tenaga hijau.

“TNB berhasrat untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050 dan salah satu inisiatif utama untuk mencapai aspirasi ini adalah melalui membina kerjasama utama dan memperkukuh perkongsian yang akan membantu kami memacu agenda Peralihan Tenaga dengan lebih jauh lagi. Ini adalah selaras dengan agenda kerajaan berhubung kapasiti TBB dan inisiatif hijau sejajar dengan kami menuju ke arah masa depan yang lebih baik dan cerah untuk rakyat Malaysia,” tambah Megat.

Ikwan Hafiz berkata, kerjasama ini akan dapat mempertingkatkan pembangunan TBB bagi pengguna-pengguna tenaga elektrik di KHTP melalui pemindahan kepakaran dan teknologi antara kedua-dua pihak.

“Kerjasama dalam sektor TBB oleh NUR Power dan TNB dapat merealisasikan matlamat ‘Peralihan Utiliti TBB’ sebagai dua pembekal utiliti tenaga di Semenanjung serta dapat menyokong ikrar iklim dan visi ESG bagi syarikat-syarikat multinasional (MNC) di KHTP dengan menyediakan keperluan dan kelengkapan sumber TBB bagi transformasi KHTP menjadi taman teknologi hijau yang unggul di Asia Tenggara.”

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 5 September 2022, jam 1:00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi TNB
Lee Lim Bee Yoke 016-3288826 / Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*

Mengenai Tenaga Nasional Berhad

Aktiviti teras TNB merangkumi bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik. Selain syarikat penjana elektrik utama negara, TNB turut menghantar dan membahagikan elektrik ke seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehingga 30 Jun 2022, TNB membekalkan elektrik kepada kira-kira 10.4 juta pelanggan.

Melalui anak-anak syarikatnya, TNB turut terlibat dalam aktiviti pembuatan alat ubah, perkakas suis dan kabel bervoltan tinggi; perkhidmatan perundingan profesional, pembinaan, operasi dan penyelenggaraan kemudahan penyediaan, peralatan penjanaan, pembaikan dan penyelenggaraan, perkhidmatan pembekalan bahan api; perkhidmatan berkenaan dengan tenaga boleh baharu, kecekapan tenaga dan kualiti kuasa; pengajian tinggi dan latihan kemahiran serta menjalankan kajian dan pembangunan (R&D).

Sebagai pembekal tenaga elektrik yang bersepadu, TNB telah dan akan meneruskan peranan pentingnya dalam menggerak kemajuan negara. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.tnb.com.my

Mengenai N.U.R Power Sdn. Bhd.

NUR Power adalah sebuah syarikat Utiliti Tenaga Bebas (IPU) pertama negara yang telah diberikan hak menyediakan perkhidmatan di bidang penjanaan, grid dan pembahagian tenaga elektrik eksklusif di Kulim Hi-Tech Park (KHTP), Kulim Kedah. KHTP merupakan Taman Teknologi Tinggi Bersepadu utama negara dengan pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM42.2B pada tahun 2021 dengan tumpuan kepada industri teknologi berintensifkan modal tinggi.

Dengan pengalaman lebih 20 tahun dan rekod prestasi cemerlang dalam perkhidmatan bekalan tenaga berkualiti tinggi dan stabil di KHTP, NUR Power kini membangunkan portfolio tenaganya dengan merangkumi tenaga TBB selaras dengan permintaan ESG oleh pelabur-pelabur. Melalui anak-anak syarikat TBB yang dimiliki oleh NUR Power, NUR Power berhasrat untuk membangunkan lebih banyak inisiatif tenaga TBB selaras dengan sasaran karbon bersih sifar negara menjelang 2050.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.nur.com.my. Sila kemukakan semua pertanyaan akhbar kepada Usha Devi Raman di talian 016-456 7776 atau e-mel kepada kami di cs@nur.com.my



Ketua Pegawai Retail TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (duduk, dua kiri) bersama Pengarah Urusan NUR Power, Ikwan Hafiz Jamaludin (duduk, dua kanan) menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) bersama dengan saksi dari TNB, Mohamed Azrin b. Mohamed Ali, Ketua Solusi, Bahagian Retail (duduk, paling kiri) dan Pengerusi NUR Power, Datuk Wira Ir. Mohd Sidek Ahmad (duduk, paling kanan). Sesi menandatangani MoU ini turut diperhatikan oleh Setiausaha Bahagian Kanan, (Bekalan Elektrik) Kementerian Tenaga & Sumber (KeTSA) Mareena binti Mahpudz (dua kanan) dan Dato' Hamzah bin Hussin, Ketua Pegawai Eksekutif *Sustainable Energy Development Authority*, [SEDA], Malaysia (dua kiri).